

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[LAHAD DATU]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi [ Lahad Datu ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jumlah kapasiti loji air di Lahad Datu ketika ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menambah bilangan loji air, lokasi dan jumlah kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada ketika ini terdapat 4 bilangan loji air di Lahad Datu dengan kapasiti rekabentuk berjumlah 63 juta liter sehari (JLH) dengan jumlah purata pengeluaran semasa loji adalah sebanyak 75JLH. Ini bermakna tiada rizab margin air bersih di Daerah Lahad Datu dan keadaan ini boleh mengakibatkan gangguan bekalan air. Untuk itu bagi mengatasi masalah ini; Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan secara pinjaman berjumlah RM270 juta bagi melaksanakan pembinaan loji baru di Segama. Pembinaan ini melibatkan skop kerja yang berikut:

- (i) Pembinaan muka sauk baru di sungai Segama;
- (ii) Loji air baru dengan kapasiti 60JLH;
- (iii) Pembinaan tangkiimbangan berkapasiti 22.5 juta liter (JL);
- (iv) Pembinaan tangki perkhidmatan berkapasiti 6JL; dan
- (v) Pemasangan paip air pelbagai saiz sepanjang 28 km.

2. Projek ini telah dimulakan pada 2 Mac 2020 dan tarikh siap asalnya adalah pada 2 Mac 2023. Namun disebabkan isu-isu pelaksanaan PKP ianya telah dilanjutkan sehingga 24 Jun 2023. Kemajuan kerja yang dijadualkan pada ketika ini adalah 8.64% berbanding dengan kemajuan sebenar sebanyak 3.38%. Ini bermakna ianya telah mengalami kelewatan sebanyak -5.26%. Kerja-kerja dijangka dapat berjalan lancar selepas sekatan PKP ini dilonggarkan.

Sekian, terima kasih.